




## KRETAM HOLDINGS BERHAD GROUP

### DASAR SOSIAL

Kumpulan KHB adalah komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, selamat dan bebas daripada gangguan.

Sejajar dengan dasar ini KHB akan mematuhi prinsip-prinsip berikut:

- Memastikan prosedur disediakan untuk mencegah gangguan seksual dan apa-apa bentuk gangguan dan keganasan terhadap wanita, pekerja dan komuniti.
- Melindungi hak-hak reproduksi wanita.
- Melarang sebarang bentuk keganasan rumah tangga.
- Memastikan wanita dibenarkan untuk menyusui sehingga Sembilan (9) bulan sebelum meneruskan penyemburan kimia atau penggunaan bahan kimia; dan diberi masa rehat tertentu bagi membolehkan penyusuan berkesan.
- Menubuhkan Jawatankuasa Jantina yang akan menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran, mengenal pasti dan menangani isu-isu kebimbangan, peluang dan penambahbaikan untuk wanita.
- Memastikan penyertaan berkesan wanita dalam membuat keputusan dengan menggalakkan mereka untuk menjadi ahli-ahli pelbagai jawatankuasa yang telah ditubuhkan seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH).
- Menggalakkan dan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan pekerja dan masyarakat.
- Melarang buruh kanak-kanak dan pemulihan telah disediakan.
- Memastikan tiada kanak-kanak (*seseorang yang berumur di bawah 15 tahun*) atau orang muda (*seseorang yang berumur melebihi 15 tahun tetapi belum mencapai 18 tahun*) yang dibenarkan untuk bekerja atau terlibat dalam apa-apa pekerjaan selain daripada yang dibenarkan oleh undang-undang.
- Melarang sebarang buruh paksa atau diperdagangkan untuk digaji dalam operasi termasuk pihak ketiga yang dikontrak.
- Berkomunikasi dan mendidik semua kakitangan, termasuk kontraktor dan pihak berkepentingan lain pada pemahaman Polisi ini melalui latihan kesedaran dan pembangunan yang mencukupi.
- Mengekalkan dan menyediakan kaedah yang terbuka dan telus untuk komunikasi dan perundingan antara syarikat dan pekerja, masyarakat setempat dan pihak-pihak lain yang terlibat atau yang berkepentingan.



Datuk Freddy Lim Nyuk Sang  
(Chief Executive Officer)  
1 March 2020